

BAB EMPAT

PENUTUP

Teori negara Islam memang telah banyak dibahaskan oleh para ulama' Islam di dalam kitab-kitab politik dan kenegaraan. Malah kitab-kitab sejarah telah menyokong tentang wujudnya sebuah Negara Islam yang telah dapat bertahan berabad-abad lamanya. Namun untuk merealisasikan 'Negara Islam Baru' hari ini tiada sesiapa yang sudah mampu melaksanakannya.

Memang terlalu banyak suara-suara lantang yang melaung dan memekik demi menyatakan tentang keinginan mereka akan Negara Islam, sama ada ia tertegak di dunia umumnya apatah lagi jika di Malaysia khususnya. Usaha-usaha ke arah itu seolah-olah satu isu politik yang sering tenggelam timbul mengikut tempat dan ketika. Usaha-usaha yang berterusan dan tersusun nampaknya kurang jelas dan kalau adapun, peratusnya adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan ummat Islam di negara ini, lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan ummat Islam di seluruh dunia.

Sebenarnya tiada khilaf lagi bahawa Negara Islam adalah satu sistem politik yang yang mesti ditegakkan

oleh semua umat Islam. Tidak seorangpun yang mengucap Dua Kalimah Syahadah, yang terkecuali dari tanggungjawab itu. Adalah menjadi satu dosa yang menimpa umat Islam seluruhnya selagi mana negara itu belum dapat ditegakkan. Tanggungjawab ini harus dipikul secara bersama dan bersungguh-sungguh, maka tidak ada mana-mana golongan atau individu yang boleh menafikan hak golongan atau individu lain yang berusana ke arah itu.

Gerakan ini hendaklah menyeluruh, ia meliputi institusi pendidikan dan keilmuan, perkhidmatan sosial, perekonomian, kemahiran teknikal, politik pentadbiran dan seluruh aspek kehidupan makhluk di dunia ini.

Menyertai pilihanraya adalah salah satu cara yang tidak menyalahi Hukum Syara' untuk menuju cita-cita yang murni itu. Di samping usaha-usaha di bidang lain, seluruh umat Islam di Malaysia hendaklah menggembeling tenaga, berusaha bersungguh-sungguh di dalam menyertai pilihanraya dan memastikan kemenangan Islam di dalam sistem itu. Kepentingan ini dirasakan amat perlu demi menyatakan pendirian dan suara Islam berkumandang di institusi tertinggi negara, seterusnya membentuk satu pentera pentadbiran Islam setelah nyata kemampuan itu.

Segala kesempatan dan peluang yang diluluskan oleh Hukum Syara' hendaklah dieksploitasikan dengan maksimum oleh umat Islam di samping meneruskan amalan mengoreksi diri sendiri dan memperbaiki kelemahan dan potensi yang ada untuk mencapai *ittafa'atun*.

Akhir sekali segala usaha dan ikhtiar hendaklah dipulangkan kepada Allah kerana manusia hanya mampu merancang sedang Dia-lah yang menentukan kemenangan, kekalahan dan segala-galanya.

Wallahu A'lam.